

GRAVITI DI BUMI

“Sila _____ laman sesawang ini. Kamu akan dapat memahami kepentingan graviti kepada kita,” kata Cikgu Shanti.

Klip video dalam laman sesawang itu memaparkan kehidupan _____ di stesen angkasa lepas. Angkasawan di stesen itu _____ kerana tiada graviti. Video itu jelas _____ perbandingan antara kehidupan di stesen angkasa lepas dengan di bumi.

Bumi mempunyai graviti. _____ graviti akan menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Manusia dan haiwan dapat _____ di atas permukaan bumi dan tidak _____. Daun-daun akan gugur lalu _____ di atas tanah. Dengan adanya graviti, manusia dapat menjalani _____ di bumi dengan mudahnya.

terapung

layari

tarikan

angkasawan

menunjukkan

berjalan

kehidupan

berselerak

terapung